

# Negara maju nampak 'kuman'

BA 25 MAY 1991

Oleh BRAHIM YAHYA

MIRI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap negara maju yang sering mempersoalkan kebebasan kemanusiaan di negara tertentu sedangkan mereka sendiri tidak mengamal dan menghalang proses itu.

Katanya, golongan itu juga sering memperkecil-kecilkan kebolehan orang lain mentadbirkan negara sedangkan keadaan dalam negara mereka sendiri tidak terurus.

Perdana Menteri berkata, negara-negara inilah yang suatu masa dulu tidak membenarkan kebebasan kemanusiaan ketika mereka memerintah negara-negara kecil.

"Ketika memerintah, mereka tidak memberi kebebasan bersuara serta memilih wakil dan apabila kita sudah merdeka, mereka mula mempersoalkan kebebasan itu," katanya ketika mengulas Laporan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UPDP) di sidang akhbar di rumah rehat kerajaan Sri

Tanjung dekat sini hari ini.

Sambil menyifatkan tindakan itu seperti pepatah Melayu 'Kuman di seberang boleh dilihat tetapi gajah di depan mata tak nampak', Perdana Menteri berkata, golongan itu juga tidak mahu melihat negara membangun memerintah mengikut kebebasan mereka.

"Saya ingin tahu demokrasi jenis apa yang mereka boleh berikan kepada kita, sebelum mempersoalkan kebebasan kemanusiaan di negara ini.

"Rakyat di negara ini hidup

gembira kerana kita mempunyai kebebasan. Jika golongan itu mentafsirkan kebebasan kemanusiaan adalah dengan wujudnya huru-hara dan membakar rumah, kita tidak mahu kebebasan seumpama itu," katanya.

Pendatang asing yang tidak sama warna kulit di negara mereka akan ditekan dan tidak diberi kebebasan kemanusiaan.

"Di negara ini, rakyat termasuk Orang Asli diberi ke

● LIHAT MUKA 2

Australia  
sering

penjarakan

Orang

Asli

DARI MUKA 1 ✕

mudahan sosial tetapi di Australia umpamanya Orang Asli tidak mendapat kemudahan pelajaran serta sering dipenjarakan. Walaupun bilangan mereka kecil tetapi merekalah yang ramai dipenjarakan," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan itu seharusnya melihat kebebasan antara negara apabila memperkatakan kebebasan kemanusiaan dalam negara.

"Umpamanya, apabila saya berkata sesuatu yang ada fakta, media antarabangsa tidak menyiarkannya malah memperkatakan perkara buruk mengenai kita. Kita tidak boleh menjawab.

"Mereka sendiri tidak mengamalkan demokrasi di peringkat antarabangsa apabila menyebut demokrasi. Walaupun kita kecil, kita mempunyai suara kerana demokrasi itu perlu berasaskan satu negara satu undi.

"Jika kita beri mereka memerintah negara ini, tindakan pertama yang akan diambil ialah menghapuskan kebebasan kemanusiaan kerana jika tidak berbuat demikian, mereka tidak dapat memerintah negara ini secara aman," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah UNDP memuji negara ini mengamalkan perhubungan kemanusiaan tetapi kurang memberi markah di segi kebebasan kemanusiaan, berujuan untuk mengimbangi perbuatan mereka.

Menyentuh laporan majalah Economis yang menyatakan Proton Saga adalah kereta Jepun, Perdana Menteri berkata langkah itu bertujuan memburuk-burukkan industri negara ini.

"Britain juga menjual kereta Jepun yang diberi nama Sterling, saya juga boleh kata kereta British adalah kereta Jepun," katanya.